

KEFAHAMAN BERAGAMA DAN PROSES TRANSFORMASI HUBUNGAN PASANGAN DALAM PERKAHWINAN

Dini Farhana Baharudin¹, Suhailiza Md. Hamdani², Marina Munira Abdul Mutalib³, Mohd. Zaliridzal Zakaria¹

¹ Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia.

² Program Da'wah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia.

³ Program 'Aqidah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia.

Corresponding Author: Dini Farhana Baharudin. Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam, Nilai, Malaysia. Tel: (+60) 06-7988000. Email: dini@usim.edu.my

ABSTRAK

Kajian lepas menunjukkan perkaitan yang kuat antara aspek-aspek keagamaan dengan kesejahteraan dalam hubungan pasangan berkahwin. Walau bagaimanapun, masih kurang kajian yang meneroka tentang perkara ini dalam konteks Malaysia, khususnya dalam kalangan orang Islam. Kertas ini akan meneroka tentang kefahaman agama dengan proses transformasi dalam perkahwinan. Kefahaman agama dalam kajian ini mencakupi kepercayaan dan amalan keagamaan. Manakala, proses transformasi dalam perkahwinan pula merujuk kepada proses-proses yang berlaku dalam hubungan perkahwinan yang tidak memerlukan intervensi secara professional daripada luar, khususnya apabila berlakunya isu atau konflik dalam perkahwinan. Metodologi kajian adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Sampel bermatlamat melibatkan lima pasangan Melayu beragama Islam yang usia perkahwinan mereka melebihi sepuluh tahun. Temubual berstruktur telah dijalankan dan dapatan menunjukkan kefahaman beragama iaitu kepercayaan dan amalan Islam adalah berkait dengan pengekalan hubungan sesuatu pasangan dalam perkahwinan. Dapatan ini menunjukkan kepentingan untuk menggunakan intervensi kaunseling perkahwinan yang mengintegrasikan ilmu naqli dan 'aqli yang dapat membantu menyokong keperluan klien.

Kata kunci: Kaunseling; Perkahwinan; Pasangan; Integrasi; Agama dan kerohanian

(RELIGION AND RELATIONSHIP TRANSFORMATIONAL PROCESSES IN MARRIAGE)

ABSTRACT

Previous studies show strong relation between religion and marital satisfaction. However, there are still lack of study that looks into this area from the Malaysian

context, especially among the Muslims. This paper will explore connections between religion and transformational processes in marriage. Transformational processes refer to processes that occur in marriage relationships that do not require outside or professional intervention, especially when an issue or conflict arises in marriage. The methodology of the study utilizes a qualitative approach. Purposive sampling comprising of five Malay Muslim couples whose age of marriage is more than ten years were interviewed. Findings show that specific Islamic religious beliefs and practices are related to the maintenance of relationship for a married couple. The findings highlight the importance for a marital counselling approach which integrates naqli and 'aqli knowledge that supports the clients' needs.

Keywords: *Counselling; Marriage; Couple; Integration; Religion and spirituality*

Received: July 25, 2018

Accepted: December 13, 2018

Online Published: December 30, 2018

1. Pendahuluan

Kesejahteraan sesebuah keluarga dipengaruhi oleh kekuatan hubungan pasangan suami isteri dalam perkahwinan mereka. Dalam banyak keadaan, sesebuah perkahwinan tidak akan sunyi daripada cabaran kehidupan. Cabaran kehidupan seperti ketidak sefahaman, isu kewangan, pekerjaan, dan kematian, adalah lumrah dalam kehidupan rumahtangga yang perlu ditangani bersama oleh suami dan isteri. Pengukuhan keluarga yang sejahtera adalah sebenarnya bertitik tolak daripada kekuatan pengukuhan iman yang dihayati oleh suami dan isteri yang merupakan tunggak utama kepada sesebuah keluarga (Surah an-Nisa' ayat 1).

Majoriti populasi penduduk di Malaysia adalah terdiri daripada golongan yang mempercayai dan menganut sesuatu agama. Statistik menunjukkan 61.3% adalah orang Islam, 19.8% Buddha, 9.2% Kristian, 6.3% Hindu, dan 1.0% lain-lain agama. Hanya 0.7% yang dilaporkan tidak menganut apa-apa agama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Maka, agama adalah sesuatu yang amat penting dalam kebanyakan perkahwinan khususnya perkahwinan orang Islam.

Banyak kajian lepas menunjukkan perkaitan yang kuat antara aspek-aspek keagamaan dengan kesejahteraan dan pengekalan hubungan pasangan berkahwin (Mahoney, 2010, Manoney, Pargament, dan Murray-Swank, 2003). Ini dikembangkan lagi dalam kajian oleh Fincham, Stanley, dan Beach (2007) yang mengemukakan tentang 'proses transformasi' dalam perkahwinan. Proses transformasi merujuk kepada proses-proses yang berlaku dalam hubungan perkahwinan yang tidak memerlukan intervensi secara profesional daripada luar, misalnya apabila berlakunya isu atau konflik dalam perkahwinan. Menurut Fincham et al. (2007:278), kemampuan untuk mengubah hubungan perkahwinan melalui penyesuaian dalaman, adalah merupakan sesuatu yang normal dalam pengaturan sendiri sesebuah perkahwinan dan merupakan asas kepada proses transformasi dalam perkahwinan. Antara contoh proses transformasi yang didasari kefahaman beragama termasuk komitmen, kemaafan, dan pengorbanan.

Pasangan berkahwin sering menggunakan proses-proses ini bagi mentransformasikan cabaran dan situasi negatif yang dihadapi dalam hubungan perkahwinan mereka kepada peluang untuk berkembang. Ini membantu mereka mengekalkan serta mengukuhkan perkahwinan (Fincham et al., 2007). Sekiranya pasangan tidak dapat membuat pengaturan sendiri dan menyelesaikan isu yang

dihadapi, pasangan itu mungkin berpotensi untuk perceraian. Islam sebagai agama yang syumul telah menggariskan panduan bermula daripada proses mencari jodoh sehinggalah proses selepas perceraian. Islam juga memberi panduan berkeluarga menuju kepada pembentukan keluarga sejahtera (Surah al-Rum: 21; Surah an-Nisa': 34) serta memberikan jalan keluar dalam menangani konflik (Surah an-Nisa': 4; Surah an-Nisa': 34, 35, 128). Dalam membincangkan mengenai keluarga bahagia, Allah SWT telah menekankan kepentingan memelihara keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai inspirasi utama dalam menjaga perhubungan antara manusia termasuklah keluarga. (Akram Radamursi, 2001)

Oleh yang demikian, tujuan kertas ini adalah untuk meneroka tentang kefahaman agama dan proses transformasi dalam perkahwinan pasangan Islam melalui pendekatan kualitatif. Adalah diharapkan dengan mengetahui dengan lebih lanjut tentang proses transformasi ini dapat menambahkan pengetahuan pengkaji dan pengamal kaunseling bagi membantu mengekalkan dan mengukuhkan perkahwinan pasangan, khususnya dalam kalangan orang Islam.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan meneroka tentang kefahaman agama dan proses transformasi dalam perkahwinan pasangan Islam. Secara spesifik, kajian ini cuba untuk memahami bagaimana kefahaman beragama iaitu kepercayaan dan amalan agama berkait dengan kesejahteraan dan pengendalian hubungan sesuatu pasangan dalam perkahwinan, khususnya daripada aspek ikatan komitmen dan strategi daya tindak terhadap cabaran dalam perkahwinan.

2.1 Rekabentuk kajian

Oleh kerana kajian ini meneroka sesuatu fenomena yang kurang dikaji sebelum ini, maka, metodologi kajian kualitatif telah dipilih. Denzin dan Lincoln (2017) menyatakan bagi kajian yang masih kurang diterokai, kajian naturalistik bersifat kualitatif adalah amat sesuai. Dengan menggunakan metodologi tersebut, temubual telah dijalankan dengan lima peserta dan telah dianalisis menggunakan analisis tema.

2.2 Pengumpulan data kajian

Dengan menggunakan metodologi ini, satu siri temubual telah dijalankan dengan peserta kajian. Setiap soalan temubual telah diuji untuk mengenalpasti sekiranya ada isu berbangkit berkaitan soalan. Semua soalan adalah berstruktur dan bertujuan untuk memahami pemikiran dan makna di sebalik tingkah laku atau apa-apa proses yang mengaitkan agama dengan perkahwinan mereka. Kebanyakan soalan mempunyai soalan lanjutan bagi memastikan kedalaman maklumat yang diperolehi.

2.3 Persampelan

Untuk menjalankan kajian ini, sampel bermatlamat telah dipilih. Walaupun pemilihan sampel bermatlamat ini mempunyai kekurangan daripada segi keupayaan dapatan untuk digeneralisasi kepada kumpulan yang lebih besar, namun, ia amat bernilai dari segi potensi untuk meneroka pembolehubah dan proses yang berkaitan supaya dikaji dengan lebih mendalam pada masa akan datang (Boss, 1980). Kajian lepas yang menggunakan sampel rawak menunjukkan pasangan yang mempunyai tahap

keagamaan yang lebih tinggi cenderung untuk kekal bersama, lebih bahagia, menggunakan pendekatan penyelesaian masalah, dan kurang mengalami konflik, kecurangan, dan keganasan di samping pelbagai hasil positif yang lain (Mahoney, 2010). Maka, kajian ini ingin meneroka dengan lebih mendalam di sebalik dapatan yang diperolehi dalam kajian-kajian lepas tersebut, khususnya dalam kalangan orang Islam.

2.4 Peserta kajian

Seramai lima orang peserta telah terlibat dalam kajian ini. Kesemua peserta adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Walau bagaimanapun terdapat kepelbagaian daripada segi gender, umur, latar belakang pendidikan, usia perkahwinan mereka yang melebihi sepuluh tahun, dan bilangan anak. Peserta kajian telah diperolehi melalui kenalan peribadi dan proses pengumpulan data telah dijalankan sepanjang bulan Februari sehingga April 2018 menggunakan protokol temubual berstruktur. Secara amnya, pengkaji mengikut soalan-soalan dalam protokol temubual tersebut, namun, apabila terdapat isu berbangkit semasa temubual dijalankan pengkaji akan mengajukan soalan lanjutan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Temubual telah dijalankan dalam Bahasa Melayu dan dirakam, transkripsi, diterjemah, disemak, serta dianalisis.

2.5 Analisis data

Data telah dianalisis menggunakan analisis tema. Analisis tema adalah suatu kaedah untuk mengenalpasti, menganalisa, dan melaporkan corak tema yang dijumpai dalam hasil dapatan kajian. Penggunaan analisis data berbentuk tema ini dipilih kerana ia dapat membantu menyusun dan menerangkan data dengan lebih teratur dan jelas (Braun dan Clarke, 2006).

3. Dapatan kajian


Terdapat lima peserta dalam kajian ini iaitu tiga lelaki dan dua wanita. Peserta kajian berumur antara 33 hingga 48 tahun. Kesemua peserta adalah Melayu, beragama Islam, dan usia perkahwinan mereka melebihi sepuluh tahun. Maklumat demografi peserta dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Demografi peserta kajian

Kod Peserta	Gender	Latar belakang pendidikan	Umur	Usia perkahwinan	Bilangan anak
P1	Lelaki	Sarjana	48	19 tahun	6 orang
P2	Lelaki	Sarjana	45	15 tahun	3 orang
P3	Lelaki	Sarjanamuda	33	11 tahun	3 orang
P4	Perempuan	Sarjanamuda	46	15 tahun	1 orang
P5	Perempuan	Sarjanamuda	36	11 tahun	2 orang

Empat tema utama muncul daripada analisis kajian iaitu: (1) komitmen pasangan dan kepercayaan agama; (2) komitmen pasangan dan amalan agama; (3) strategi daya tindak pasangan dan kepercayaan agama; dan (4) strategi daya tindak

pasangan dan amalan agama sepertimana dalam Rajah 1. Secara amnya, dapatan menunjukkan transformasi perkahwinan melibatkan komitmen dan strategi data tidak pasangan tersebut yang dipengaruhi oleh kepercayaan dan amalan agama mereka.



Rajah 1. Tema yang terhasil daripada analisis data

3.1 Tema 1: *Komitmen pasangan dan kepercayaan agama*

Dapatan menunjukkan kesemua peserta kajian menyatakan kepentingan agama dalam kehidupan mereka. Kepercayaan yang mereka pegang memberi kesan kepada komitmen mereka dalam perkahwinan. Kesemua peserta kajian mempercayai bahawa perkahwinan mempunyai kaitan dengan elemen atau kualiti kerohanian. Komitmen peserta terhadap perkahwinan digambarkan dengan kepercayaan bahawa (1) perkahwinan berkait dengan ibadah dan (2) melibatkan hubungan jangka masa panjang.

3.1.1 Perkahwinan berkait dengan ibadah

Salah satu daripada kepercayaan yang asas dan dinyatakan oleh peserta kajian ialah bahawa perkahwinan adalah suatu hubungan yang berkait dengan ibadah. Ini dapat dilihat daripada respons peserta seperti berikut:

“Fitrah manusia Allah jadikan adalah untuk hidup berpasang-pasangan. Ia adalah pelengkap kepada kehidupan dari sudut jasmani dan rohani. Dalam Islam perkahwinan adalah sesuatu yang suci. Tujuan berkahwin ialah untuk menjaga maruah dan memastikan masyarakat terpelihara. Sebab itulah hubungan di luar perkahwinan tidak dibenarkan.” (P1)

“Allah telah memberikan amanah kepada saya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai isteri. Jadi bila buat tu, tentulah kita mengharapkan pahala dan keredhaan daripada Allah.” (P4)

“Nak ikut sunnah Nabi. Bila kahwin kan dah selesai sebahagian daripada agama dan mestilah kita cuba kekalkan [perkahwinan].” (P5)

Oleh kerana perspektif peserta terhadap perkahwinan adalah ia berkait dengan ibadah maka sedikit sebanyak ia mempengaruhi komitmen yang diberikan oleh mereka kepada perkahwinan.

3.1.2 Melibatkan hubungan jangka masa panjang

Peserta kajian turut menyatakan mereka percaya bahawa perkahwinan adalah hubungan jangka masa panjang yang patut cuba dikekalkan selama-lamanya. Antara petikan daripada peserta termasuk:

“Bila decide nak kahwin tu, kena fikir panjang. Sebab bukan kita boleh suka hati hari ni kahwin esok cerai. Sikit-sikit hal langsung cerai. Tak boleh lah macam tu.” (P2)

“Kita mesti ingat bahawa kita berkahwin nak sampai syurga. Kalau itu yang kita harapkan, kita pegang, Insha Allah kita akan cuba sedaya-upaya bawa keluarga kita ke arah tu. Jadi kalau ada perselisihan tu, tak perlulah perbesarkan.” (P4)

“Perkahwinan adalah satu komitmen sepanjang hayat. Kita kahwin dengan seseorang dan kita harap hubungan kita kekal selamanya.” (P5)

Kepercayaan bahawa perkahwinan patut kekal dalam kalangan peserta kajian berkait dengan kepercayaan mereka bahawa perkahwinan adalah ibadah. Walaupun dalam Islam perkahwinan boleh dibubarkan atas sebab-sebab tertentu, peserta nampaknya memberikan pandangan bahawa pembubaran perkahwinan bukanlah suatu penyelesaian kepada masalah, khususnya yang berkaitan dengan isu-isu yang kecil. Disebabkan oleh kepercayaan ini, ia mempengaruhi sikap dan cara peserta menangani masalah dalam perkahwinan mereka.

3.2 Tema 2: *Komitmen pasangan dan amalan agama*

Amalan agama yang peserta nyatakan mempengaruhi komitmen mereka kepada perkahwinan ialah (1) menunaikan hak dan tanggungjawab dan (2) penglibatan bersama dalam aktiviti keagamaan.

3.2.1 Menunaikan hak dan tanggungjawab

Aspek amalan agama dikaitkan oleh peserta kajian ini dengan kepentingan menunaikan hak dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri dalam perkahwinan mereka. Ini dapat dilihat dalam petikan temubual:

“Lagi kita rasakan bahawa perkahwinan kita tu ladang pahala, kita masak dapat pahala, kita lipat baju dapat pahala, semuanya dapat pahala lagi lah kita lebih bersemangat untuk mengekalkan hubungan kita.” (P1)

“Kita anggap apa yang kita buat untuk keluarga kita sebagai ibadah. Saya tinggal berjauhan dengan isteri selama tujuh tahun

dan berkorban kerjaya untuk menjaga anak sendiri. Agama mengajar sikap bertolak ansur dan bantu-membantu. Inilah yang mengukuhkan komitmen saya dalam hubungan perkahwinan kami.” (P3)

“Saya dapat rasakan kebersamaan apabila kami menunaikan tanggungjawab masing-masing. Saya tahu dia [suami] akan cover saya contohnya masa saya sakit dia yang akan tolong masak... Jadi, saya lebih komited kepada hubungan perkahwinan kami.” (P5)

3.2.2 Penglibatan bersama dalam aktiviti keagamaan

Peserta kajian turut menekankan tentang penglibatan bersama dalam aktiviti keagamaan sebagai salah satu cara untuk memperkukuhkan komitmen antara pasangan. Ini dapat dilihat dalam petikan temubual:

“Kami rasa memang penting untuk solat jemaah bersama-sama sebagai satu keluarga. Ia membantu memastikan hubungan kami kukuh.” (P1)

“Walaupun banyak masalah atau perkara-perkara tidak dijangka berlaku dalam kehidupan berkeluarga, namun, bila kita betul-betul yakin dengan Allah dan ditambah dengan sama-sama beramal ibadat dan berdoa, perkara-perkara tersebut boleh berubah. Perspektif kita terhadap masalah tu berubah... bukan hanya bagaimana untuk keluar daripada masalah tetapi untuk menempuhi masalah tersebut bersama-sama.” (P4)

“Kadangkala kalau hujung minggu tu, dia [suami] akan ajak ke masjid untuk mendengar ceramah. Lepas ceramah kami akan makan luar bersama. Bagi saya, aktiviti ni mengeratkan lagi hubungan kami suami isteri.” (P5)

Dapatan ini menunjukkan kepentingan melakukan aktiviti yang berkaitan dengan agama bersama dengan pasangan bagi mengukuhkan hubungan dalam perkahwinan.

3.3 Tema 3: Strategi daya tindak pasangan dan kepercayaan agama

Dapatan seterusnya menunjukkan bagaimana peserta kajian menggunakan kepercayaan agama mereka sebagai strategi daya tindak terhadap sesuatu isu yang dihadapi dalam keluarga. Isu-isu yang dihadapi meliputi isu-isu seperti kematian, kesihatan, kewangan, dan sebagainya yang merupakan cabaran-cabaran yang boleh muncul dalam Kitaran Kehidupan Berkeluarga.

Kepercayaan agama dilihat sebagai sesuatu yang asas dalam perspektif peserta kajian untuk menghadapi isu atau cabaran kehidupan berumahtangga. Ia dibahagikan kepada (1) berpegang kepada matlamat yang sama, (2) isu dan cabaran sebagai sebahagian daripada kehidupan, dan (3) melihat masa hadapan.

3.3.1 Berpegang kepada matlamat yang sama

Penekanan kepada matlamat yang dipegang bersama dapat dilihat daripada temubual dengan peserta kajian. Apabila kedua-dua suami dan isteri jelas tentang matlamat yang hendak dicapai dalam perkahwinan mereka, sistem kepercayaan dan nilai mereka juga selari. Maka, sekiranya timbul isu atau masalah dalam perkahwinan, mereka dapat menghadapi kesukaran tersebut secara bersama. Misalnya, peserta menyatakan seperti berikut:

“Saya dapat merasakan adanya kesatuan dalam hubungan kami. Bila kami ingin mencapai matlamat yang sama iaitu keredhaan Allah, maka, pegangan dan nilai yang kami bawa dalam keluarga adalah sama. Kebanyakan perkara yang kami buat semuanya berjalan dengan lebih lancar walaupun terpaksa menghadapi kesukaran.” (P1)

“Kami sama dari segi pegangan dan nilai. Itulah yang menjadi kekuatan kami. Kalaupun ada konflik dalam keluarga, kita ingat balik apa yang Islam kata dan konflik dapat diselesaikan dengan lebih baik.” (P4)

Jelas di sini bahawa dapatan menunjukkan pasangan dengan pegangan, nilai dan matlamat yang sama membantu mereka menghadapi isu atau cabaran yang berlaku dalam kehidupan seharian.

3.3.2 Isu dan cabaran sebagai sebahagian daripada kehidupan

Peserta juga percaya bahawa isu dan cabaran adalah sebahagian daripada kehidupan yang dapat mendekatkan diri mereka kepada Allah dan satu sama lain. Di samping itu, mereka juga percaya bahawa isu atau cabaran yang berlaku adalah datangnya daripada Allah. Antara contoh petikan daripada temubual adalah:

“Masalah dalam hidup ni biasalah... Semua orang pun akan ditimpa ujian. Kita mesti percaya bahawa ujian tu datang daripada Allah... Yang penting jangan hilang harap. Mesti ingat, sebaik-baik pertolongan adalah daripada Allah. Kita manusia ni makhluk yang lemah.” (P1)

“Hidup ni memang ada turun naik dia. Orang kata asam garam kehidupan. Mesti kita tempuh sebab benda ni lah yang akan bagi kekuatan kepada kita. Contohnya masa anak saya tiba-tiba sakit, menyebabkan kami suami isteri lebih ingat kepada Allah, lebih rapat dan menghargai satu sama lain. Kalau tak masing-masing sibuk dengan hal masing-masing.” (P5)

“Kadang-kadang Allah bagi ujian, kesusahan kat kita sebab kita dah lari jauh. Allah jentik kita, nak kita balik pada dia, ingat bahawa Dia-lah Tuhan tempat kita memohon pertolongan. Tu tandanya Allah masih sayang pada kita.” (P4)

Dapatan ini menunjukkan bahawa peserta melihat isu dan cabaran dalam kehidupan sebagai ujian yang perlu mereka tempuhi kerana mereka percaya bahawa apa yang berlaku adalah sepertimana yang telah ditakdirkan oleh Allah dan kepada Allah sahaja kebergantungan mereka untuk menyelesaikan isu atau masalah yang dihadapi. Selain itu isu atau masalah yang timbul turut memperkukuhkan hubungan mereka dengan Allah dan dengan pasangan.

3.3.3 Melihat masa hadapan

Peserta melihat isu dan masalah dalam kehidupan adalah bersifat sementara dan masih terdapat kehidupan yang lebih bermakna pada masa hadapan. Antara contoh petikan daripada temubual adalah:

“Macam yang saya kata tadi, hidup ni ada naik turunnya. Bukannya kalau bermasalah tu selamanya macam tu. Kita cari penyelesaian. Usaha. Lepas tu doa tawakkal kepada Allah. Masa depan kita tak tahu tapi kita kenalah yakin bahawa mesti ada hikmah di sebalik masalah yang timbul tu, kan?” (P3)

“Tak payah rasa sedih sangat kalau ada masalah. Masalah memang akan datang dan pergi. Yang penting macam mana kita hadapi? Jauh lagi perjalanan hidup kita. Walau apapun, Allah ada untuk bantu kita.” (P4)

“Bila kami gaduh biasanya tak lama lepas tu kami baik semula. Buat apa gaduh lama-lama? Kan lebih baik bawa berbincang. Kita nak hidup bersama dengan pasangan kita lama lagi.” (P5)

Penjelasan peserta menunjukkan mereka percaya bahawa kehidupan perlu diteruskan untuk masa hadapan dan bagaimana mereka merasakan besarnya pengaruh keyakinan kepada Allah dalam membantu mereka menghadapi isu dan masalah dalam kehidupan. Ini memberikan mereka harapan untuk menghadapi kehidupan berumah tangga dengan lebih cekal.

3.4 Tema 4: Strategi daya tindak pasangan dan amalan agama

Peserta kajian turut menyatakan beberapa amalan agama yang merupakan strategi daya tindak mereka apabila menghadapi isu atau masalah dalam perkahwinan. Ini termasuk amalan: (1) ibadah wajib, (2) ibadah sunat, dan (3) nilai-nilai akhlak.

3.4.1 Ibadah wajib

Amalan yang paling kerap dinyatakan oleh peserta kajian ini sebagai strategi daya tindak mereka apabila timbulnya sesuatu isu atau masalah adalah dengan menunaikan solat secara berjemaah dan berdoa. Misalnya, peserta menyatakan seperti berikut:

“Antara cabaran paling besar dalam perkahwinan saya adalah untuk membesarkan dan mendidik anak agar patuh pada ajaran agama. Jadi, saya sentiasa berdoa samada dalam solat wajib atau

sunat dan juga waktu-waktu lain... Kami juga sentiasa solat berjemaah bersama.” (P1)

“Pada situasi konflik rumahtangga seperti selisih faham dan pergaduhan suami isteri, saya kerap menggunakan kaedah solat berjemaah bersama isteri untuk meredakan dan memulakan langkah perdamaian serta proses luahan rasa yang akhirnya akan membawa kepada proses bermaaf-maafan. Alhamdulillah, sehingga kini, kaedah ini masih relevan.” (P2)

“Kami akan solat berjemaah di rumah dan masjid serta saya juga banyak berdoa.” (P3)

Dapat dilihat bahawa peserta kajian mengamalkan solat secara berjemaah dan berdoa sebagai strategi daya tindak menghadapi isu atau masalah dalam perkahwinan.

3.4.2 Ibadah sunat

Terdapat juga amalan-amalan sunat yang dipraktikkan oleh peserta kajian sebagai strategi daya tindak mereka. Antara lain yang kerap dinyatakan oleh peserta adalah dalam bentuk mendirikan solat sunat, membaca al-Quran, dan berzikir. Antara contoh petikan temubual adalah seperti berikut:

“Selain itu, saya melaksanakan solat sunat, membaca al-Quran, dan juga mengamalkan zikir-zikir harian. Semuanya untuk membolehkan saya ingat semula kepada Allah.” (P1)

“Amalan lain macam contohnya kami akan makan bersama, mengaji bersama, dan berzikir. Bila buat perkara-perkara ni, akan rasa lebih tenang dan lebih mudah untuk berbincang.” (P2)

“Banyak juga yang kami buat. Membaca, menghafal, serta mengajar al-Quran, bertahajjud, mendengar ceramah agama, dan mengamalkan sedikit sebanyak sunnah nabi.” (P3)

Amalan-amalan sunat yang dilakukan oleh peserta dalam kajian ini boleh disimpulkan sebagai amalan-amalan yang membantu mereka lebih mendekati diri dengan Allah dan mendapatkan ketenangan dalam usaha menangani isu atau masalah yang dihadapi dalam rumahtangga.

3.4.3 Nilai-nilai akhlak

Terdapat beberapa nilai-nilai akhlak yang diperolehi daripada analisis data yang seringkali dikemukakan oleh peserta kajian bagi menghadapi isu atau masalah dalam perkahwinan. Nilai-nilai akhlak tersebut ialah taubat dan kemaafan, sabar, serta tawakkal. Misalnya, peserta menyatakan seperti berikut:

“Saya amat pentingkan bertaubat. Kita mesti ingat bahawa walaupun masing-masing ada kelemahan, namun sentiasalah cuba untuk diperbaiki dari semasa ke semasa.” (P1)

“Pada situasi konflik rumahtangga seperti selisih faham dan pergaduhan suami isteri, saya kerap menggunakan kaedah solat berjemaah bersama isteri untuk meredakan dan memulakan langkah perdamaian serta proses luahan rasa yang akhirnya akan membawa kepada proses bermaaf-maafan. Alhamdulillah, sehingga kini, kaedah ini masih relevan. Selain itu sabar dan beristiqomah juga adalah penting dalam rumahtangga.” (P2)

“Sentiasa perlu adanya tawakkal, bersabar, saling bantu-membantu, bersangka baik, bertolak ansur, menziarahi dan membantu ibu bapa, serta berbakti pada masyarakat. Perkara-perkara inilah yang dapat membantu proses pemulihan dalam menangani konflik.” (P3)

Peserta menekankan nilai-nilai akhlak yang baik bagi menjaga hubungan dalam rumahtangga serta dalam situasi menghadapi isu atau masalah yang berlaku dalam kehidupan. Taubat dan kemaafan, sabar, dan tawakkal bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan namun apabila nilai-nilai tersebut berjaya dilakukan nampaknya memberikan hasil yang bermanfaat kepada hubungan pasangan dalam perkahwinan.

4. Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka tentang kefahaman agama dan proses transformasi dalam perkahwinan pasangan Islam. Empat tema telah muncul hasil daripada dapatan kajian iaitu (1) komitmen pasangan dan kepercayaan agama; (2) komitmen pasangan dan amalan agama; (3) strategi daya tindak pasangan dan kepercayaan agama; dan (4) strategi daya tindak pasangan dan amalan agama.

Dapatan menunjukkan kefahaman agama yang merangkumi kepercayaan agama dan amalan agama pasangan mempengaruhi proses perkahwinan iaitu komitmen dan strategi daya tindak pasangan Islam yang berkahwin. Dengan kepercayaan agama dan amalan agama tersebut pasangan dapat membuat transformasi/penyesuaian dalaman bagi pengaturan sendiri perkahwinan mereka untuk menempuhi transisi/cabaran yang dihadapi mereka. Transformasi/penyesuaian yang dilakukan tertumpu kepada kefahaman beragama yang mempengaruhi komitmen dan strategi daya tindak pasangan. Kefahaman beragama tersebut dibahagikan kepada dua iaitu kepercayaan agama dan amalan agama. Dapatan ini menyokong Fincham et al. (2007) yang menyatakan bahawa pasangan berkahwin sering menggunakan proses-proses ini bagi mentransformasikan cabaran dan situasi negatif yang dihadapi dalam hubungan perkahwinan mereka kepada peluang untuk berkembang dan ia membantu mereka mengukuhkan perkahwinan.

Kepercayaan dan amalan agama dapat membantu pasangan menguatkan komitmen terhadap perkahwinan dari segi kepentingan agama sebagai asas kepada hubungan sesuatu perkahwinan. Penghayatan Islam membawa maksud melaksanakan dalam bentuk amali ajaran Islam dengan segala cakupan yang ada padanya secara komprehensif dan ianya haruslah berakar umbi kepada pengetahuan, kefahaman dan pengamalan (Nor Salimah, 2006). Penjelasan ini berkait dengan hakikat bahawa Islam memberikan keutamaan kepada penjagaan maruah sebagai salah satu daripada elemen utama maqasid syariah. Elemen matlamat berkahwin turut penting untuk diberikan perhatian. Islam telah menggariskan bahawa antara matlamat utama

perkahwinan adalah kerana ia adalah fitrah semula jadi manusia dan satu proses hidup yang sihat dan wajar. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW di dalam hadithnya yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Abu Hurairah:

مَنْ أَحَبَّ فِطْرَتِي فَلْيَسْتَسِنِّ بِسُنَّتِي وَمَنْ سُنَّةَ النِّكَاحِ

Maksudnya:

“Sesiapa yang suka kepada fitrahku maka hendaklah ia melakukan sunnahku dan sebahagian daripada sunnahku ialah nikah.

Sekiranya pasangan jelas tentang matlamat berkahwin didasari apa yang dituntut dalam agama Islam, maka, apa pun cabaran dalam kehidupan dalam perkahwinan akan dapat dihadapi dengan keyakinan tersebut.

Hasil temubual dengan peserta dalam kajian ini mendapati transisi atau cabaran dalam perkahwinan diterima sebagai asam garam dalam kehidupan yang telah ditentukan oleh Allah. Hal ini adalah selari dengan kepercayaan orang Islam bahawa perjalanan kehidupan manusia di dunia ini adalah sebagai ujian yang bersifat sementara. Mereka percaya bahawa Allah adalah Tuhan yang menciptakan kehidupan dan menguji manusia bagi mengetahui siapakah antara mereka yang lebih bertakwa. Di dalam hal ini, Allah telah berfirman dalam Surah Al-Ankabut ayat 2-3:

أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah akan sentiasa menguji hambanya termasuk para Nabi dan Rasul dan setiap ujian yang diberi itu hakikatnya adalah berdasarkan kemampuan mereka yang diuji (Ibn Kathir, 1986). Mereka juga percaya kepada hari pembalasan (akhirat) dan qada' dan qadar yakni sebahagian daripada rukun iman. Kepercayaan terhadap qada' dan qadar tersebut adalah bersandarkan hadith Nabi SAW:

كتب الله مقادير الخلائق قبل أن يخلق السموات والأرض بخمسين ألف سنة وعرضه على الماء

Maksudnya:

Allah SWT telah menulis takdir makhluk sebelum Dia mencipta langit-langit dan bumi dalam jarak 50 ribu tahun dan Arasy-Nya berada di atas air”.

Jelas di sini bahawa iman yakni elemen kerohanian adalah amat penting bukan sahaja kepada diri seseorang individu malah turut menjamin kesejahteraan kehidupan berumahtangga. Ia juga merupakan elemen yang akan dinilai oleh Allah SWT di akhirat kelak (Suriani Sudi, Fariza Md Sham, dan Phayilah Yama, 2017).

Kajian juga mendapati bahawa pasangan berkahwin menggunakan strategi daya tindak yang berasaskan agama apabila menghadapi cabaran atau isu dalam perkahwinan. Ini termasuk memahami bahawa manusia adalah makhluk yang lemah dan hamba ciptaan Allah perlu meletakkan kebergantungan kepada Allah iaitu yakin kepada pertolongan Allah yang Maha Berkuasa memberi ujian dan berkuasa memberi pertolongan sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Anbiya' ayat 35:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُّوْكُمْ بِالْثَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami lah kamu semua akan dikembalikan.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah akan menguji manusia dengan kesukaran dan masa kelapangan, dengan kesihatan dan penyakit, dengan kekayaan dan kemiskinan, dengan ketaatan dan dosa, dengan bimbingan dan penyesatan (Ibn Kathir, 1986). Oleh itu kebergantungan yang tinggi kepada Allah dalam menghadapi ujian kehidupan sangat dituntut kerana ia pasti mengandungi hikmah dan kebaikan kepada manusia. Ini amat bertepatan dengan firman Allah SWT (Surah Al-Baqarah: 216) yang bermaksud:

“Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.”

Strategi daya tindak pasangan Islam adalah melalui ibadat wajib (solat berjemaah, berdoa). Sepertimana yang diketahui, solat adalah tiang agama manakala doa adalah senjata mukmin sebagaimana dalam Surah Al-Mukminun ayat 9, yakni Allah menjelaskan: *“Sesungguhnya telah berjajalah orang-orang yang beriman. (Iaitu) mereka yang khusyuk dalam solat mereka... dan mereka yang memelihara solat-solat mereka”.*

Selain daripada ibadah sunat, kerukunan rumahtangga perlu disemai dengan nilai-nilai akhlak yang merupakan sunnah nabi sebagaimana yang digambarkan nabi sendiri dengan isteri-isteri dan keluarga baginda. Sebagai contoh saling menghargai antara satu sama lain seperti memberi hadiah atau saling memuji sebagaimana sabda Nabi SAW: *“Hendaklah kamu saling memberi hadiah, nescaya kamu akan saling mencintai”* (HR Al-Bukhari). Begitu juga digalakkan meraikan dan melayan kehendak pasangan sebagaimana yang diriwayatkan daripada Aisyah RA, katanya: *“Aku pernah melihat baginda Rasul SAW menaungi aku dari terik matahari dengan kain serban*

baginda sendiri, kerana pada ketika itu aku sedang asyik menonton orang-orang Habsyah sedang membuat pertunjukan di masjid, akhirnya aku merasa jemu melihat permainan tersebut” (HR al-Bukhari dan Muslim). Pasangan juga disarankan agar memperuntukkan masa yang khas bersama seperti yang ditunjukkan baginda Rasulullah SAW di dalam satu riwayat yang menceritakan bahawa Aisyah pernah memberitahu: *“Tiba-tiba muncul beberapa orang berkulit hitam dan membuat pertunjukan di hadapan baginda Rasul SAW pada hari raya. Lalu baginda Rasul SAW mengajak aku pergi menonton pertunjukkan itu. Maka aku dibiarkan baginda Rasul menonton dari atas bahunya sehingga aku merasa puas”* (HR al-Bukhari dan Muslim). Kebahagiaan rumahtangga dalam Islam menurut Imam al-Nawawi (1983) adalah berkait rapat dengan pelaksanaan sosial kewajipan suami dan isteri sama ada dari segi kasih sayang, didikan dan perbelanjaan di dalam keluarga.

Seterusnya, kajian ini secara tidak langsung menguatkan lagi dapatan dalam kajian terdahulu (Dini Farhana et al., 2017) bahawa isu-isu yang berlaku dalam perkahwinan dan kehidupan berkeluarga dalam konteks masyarakat Melayu Islam adalah berkait dengan Kitaran Kehidupan Berkeluarga (Carter dan McGoldrick, 1989). Islam menggariskan panduan bahawa perkahwinan adalah sebahagian daripada perjalanan kehidupan di dunia ini. Perkahwinan sebagai salah satu daripada proses perkembangan individu (Erikson, 1998) memerlukan suami dan isteri menyesuaikan diri daripada kehidupan bujang kepada kehidupan berpasangan dan seterusnya kehidupan berkeluarga apabila mendapat anak (Carter dan McGoldrick, 1989). Akan sentiasa adanya transisi atau cabaran sepanjang perjalanan kehidupan pasangan misalnya mendapat anak, diberhentikan kerja, sakit kronik, dan sebagainya yang memerlukan mereka untuk membuat transformasi atau penyesuaian (Carter dan McGoldrick, 1989). Transisi atau cabaran ini dapat dilihat ditempuhi oleh pasangan yang usia perkahwinan mereka telah melebihi sepuluh tahun dalam kajian ini.

Pasangan dalam kajian ini dilihat membuat transformasi/penyesuaian untuk menempuhi proses transisi/cabaran yang dihadapi mereka. Kedua-dua elemen ini boleh dianggap kekuatan dalaman yang ada pada kelompok orang Islam dan merupakan medium atau sarana yang positif yang dapat dijadikan pedoman apabila membantu pasangan Islam dalam perkhidmatan kaunseling dan rundingcara.

Dapatan kajian ini jika diteliti dengan lebih mendalam, memperlihatkan wujudnya saling-interaksi antara aspek iman, ibadah, dan akhlak dalam pengekalan/pengukuhan sesuatu hubungan perkahwinan pasangan Islam. Ajaran Islam perlu diamalkan dalam seluruh aspek kehidupan manusia terutamanya dalam institusi kekeluargaan. Ini kerana, untuk mencapai kebahagiaan rumah tangga memerlukan tiga unsur penting iaitu ketenangan jiwa (sakinah), cinta mencintai (mawaddah) dan kasih sayang (rahmah) (al-Ghazali, 1995). Ketiga-tiga unsur ini hanya dapat dirasai melalui iman yang jitu dan amalan yang soleh (Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari, 2011). Jika seorang Muslim menunaikan atau melakukan suatu ibadah dengan bersungguh-sungguh, sudah pasti hal itu akan memberi kesan pada peningkatan keimanan yang ada di dalam dirinya. Para ulama' sepakat mengatakan bahawa iman mengalami turun naik, kuat dan lemah, pasang dan surut. Ia akan menjadi kuat dengan amal soleh atau ketaatan dan menurun dengan maksiat. Allah SWT telah berfirman dalam Surah Al-Anfal ayat 2:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang bila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka (karenanya), dan hanya kepada Tuhanlah mereka bertawakkal.

Untuk sesebuah perkahwinan mempunyai ikatan yang kuat memerlukan pasangan beriman bahawa Allah adalah Tuhan yang menurunkan ujian dalam kehidupan, percaya bahawa ujian tersebut merupakan ketentuan qada' dan qadar, jelas dengan matlamat berkahwin adalah untuk meraih keredhaan Allah dan pembalasan baik di syurga, mengetahui bahawa hak dan tanggungjawab yang mereka laksanakan dalam perkahwinan adalah sebahagian daripada ibadah yang akan diberikan balasan di akhirat, serta menempuhi perjalanan kehidupan berpasangan dengan akhlak yang baik. Maka, dapat dirumuskan di sini bahawa bagi pasangan Islam menjalani kehidupan berkeluarga yang lebih sejahtera, aspek keagamaan yang merangkumi gabungan iman, ibadah, dan akhlak adalah penting.

5. Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa kajian ini menunjukkan bagaimana kefahaman agama iaitu kepercayaan agama dan amalan agama mempengaruhi komitmen dan strategi daya tindak dalam perkahwinan pasangan Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan kerana kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang mungkin mempunyai kelemahan tersendiri. Maka, dapatan kajian masih boleh diterokai dengan lebih mendalam dengan metodologi lain seperti menggunakan metodologi gabungan kuantitatif dan kualitatif untuk menguatkan lagi data. Begitu juga dari segi persampelan, kajian ini hanya menggunakan sampel bermatlamat dengan jumlah peserta yang kecil.

Namun demikian, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada para professional yang membantu pasangan Islam yang berkahwin (Weatherhead & Daiches, 2015) dengan memberikan maklumat tentang cara tertentu yang mana kepercayaan agama dan amalan agama dapat membantu tranformasi/penyesuaian dalam kalangan pasangan, khasnya apabila menghadapi cabaran atau isu dalam perkahwinan. Kajian ini juga menunjukkan kepentingan intervensi kaunseling perkahwinan yang mengintegrasikan ilmu naqli dan 'aqli yang dapat membantu menyokong keperluan klien dan dirasakan dapat memberikan perkhidmatan lebih berkesan bagi membantu memperkukuhkan institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Penghargaan

Kertas ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental, kod penyelidikan: FRGS/1/2016/SS05/USIM/03/1.

Rujukan

- Akram Radamursi. (2001). *al-'Usrah al-Muslimah fi al-'Alim alMu'asir*. Pakistan: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1995). *Ihya' 'Ulum al Din*, juz I. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi.1983. *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Boss, P. (1980). The relationship of wife's sex role perceptions, psychological father presence, and functioning in the ambiguous father-absent MIA family. *Journal of Marriage and the Family*, 42, 541-549.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Carter, E.A. dan McGoldrick, M. (1989). *Changing Family Life Cycle: Framework for family therapy*. (Edisi ke-3). London: Allyn & Bacon.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (2017). *The SAGE Handbook of qualitative research*. (Edisi ke-5). Thousand Oaks: Sage.
- Department of Statistics Malaysia. (2010). Population distribution and basic demographic characteristic report 2010 (Updated: 05/08/2011). [online]. Daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=columnc/themeByCat&cat=117&bu_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjd09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09 (diakses pada 31 Oktober 2018).
- Dini Farhana Baharudin, Melati Sumari, Mohd Zaliridzal Zakaria, Suhailiza Md Hamdani, Marina Munira Abdul Mutalib, & Zuria Mahmud. (2017). Counselling Muslim couples and families: Practitioners' experiences. *Man in India*, 97(19), 241-249.
- Erikson E. H. (1998). *The life cycle completed*. New York, NY: W.W. Norton & Company.
- Fincham, F. D., Stanley, S. M., dan Beach, S. R. (2007). Transformative processes in marriage: An analysis of emerging trends. *Journal of Marriage and Family*, 69, 275-557.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. (1986). *Tafsir al- Qur'an al- 'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). Koleksi Hadith. [online]. Daripada <http://www.islam.gov.my/e-hadith>. (diakses pada 14 Disember 2018).
- Mahoney, A. (2010). Religion in families, 1999-2009: A relational spirituality framework. *Journal of Marriage and Family*, 72, 805-827.
- Mahoney, A., Pargament, K. I., Murray-Swank, A., & Murray-Swank, N. (2003). Religion and the sanctification of family relationships. *Review of Religious Research*, 44, 220-236.
- Nor Salimah Abu Mansor. (2016). Penghayatan Agama Sebagai Wahana Memperkasa Nilai Insan: Kajian Konsep Berdasarkan Pandangan Sarjana Islam. Makalah, *Seminar Kebangsaan Pengajian Umum, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia*, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 13-14 Jun 2006.
- Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham, dan Phayilah Yama. (2017). Spiritual di dalam al-Quran: Konsep dan Konstruk. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 59-72.

Weatherhead, S. & Daiches, A. (2015). Key issues to consider in therapy with Muslim families. *Journal of Religion and Health*, 54(6), 2398-2411.

Biografi Penulis

Dini Farhana Baharudin adalah pensyarah program kaunseling yang bertugas di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Beliau memegang Ijazah Kedoktoran dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Ijazah Sarjana dalam bidang Kaunseling daripada Western Michigan University USA, Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan daripada Universiti Putra Malaysia, Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-undang daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Syar'ie daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulisan beliau tertumpu kepada kaunseling perkahwinan dan keluarga, kaunseling pelbagai budaya, serta integrasi naqli dan 'aqli dalam kaunseling. Beliau boleh dihubungi di emel dini@usim.edu.my.

Suhailiza Md Hamdani merupakan pensyarah program dakwah dan pengurusan Islam di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ijazah Sarjana bidang 'Akidah daripada Universiti al al-Bayt Jordan, dan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin daripada Univeriti Malaya. Beliau boleh dihubungi di emel suhailiza@usim.edu.my.

Marina Munira Abdul Mutalib adalah pensyarah program 'akidah dan agama di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Perbandingan Agama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Islam daripada University of Birmingham UK dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan agama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau boleh dihubungi di emel marina.m@usim.edu.my.

Mohd Zaliridzal Zakaria adalah pensyarah program kaunseling di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran, Ijazah Sarjana, dan Ijazah Sarjanamuda, kesemuanya dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling daripada Universiti Putra Malaysia. Beliau amat meminati kaunseling krisis, kaunseling kelompok, dan kaunseling kesihatan mental. Beliau boleh dihubungi di emel zaliridzal@usim.edu.my.